



## DARI MEJA SETIAUSAHA KEHORMAT NUTP KEDAH

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga NUTP kepada semua ahli NUTP Kedah yang dihormati. Setelah negara kita memasuki fasa endemik, segala aktiviti bagaikan dihidupkan semula, program bersemuka yang lama tertangguh semasa tempoh PKP telah kembali seperti biasa.

Seperti yang kita maklum, varian Covid-19 telah berkali-kali mengalami mutasi. Kes-kes Covid positif masih menular terutamanya di sekolah sungguhpun SOP pemakaian pelitup muka dalam kelas masih dikekalkan sehingga 7 September 2022. Namun begitu, kita bersyukur kerana kesan jangkitan Covid-19 telah berkurangan setelah hampir 84% daripada populasi Malaysia mendapat 2 dos vaksinasi.

Kerajaan sedar guru menghadapi masalah dalam penjagaan anak yang dijangkiti Covid-19. Justeru, Kemudahan Cuti Kuarantin Menjaga Anak telah ditambahbaik dan dipanjangkan kepada penyakit berjangkit yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta, termasuk wabak Covid-19 mengikut **Surat Edaran JPA.SARAAN (S) 43/35 Jld.12(8): Penambahbaikan Kemudahan Cuti Kuarantin, bertarikh 4 Mac 2022**. Guru dibenarkan mengambil Cuti Kuarantin Menjaga Anak sebanyak 5 hari atau selama tempoh perakuan yang diberi oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah dengan pindaan termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am.

NUTP sentiasa peka dan prihatin tentang isu kesihatan fizikal & mental guru. PdP bersemuka menjadi semakin mencabar dengan keciciran murid semasa tempoh PdPR. Guru perlu mencari alternatif dalam meningkatkan tahap penguasaan anak murid yang tercicir. Lantaran, stress dan tekanan guru telah meningkat secara mendadak dengan tugas yang bertambah. Pihak pentadbir sekolah diingatkan supaya memastikan program/aktiviti sekolah tidak dijalankan pada **Hari Sabtu minggu ke 1, 3 dan 5**. NUTP sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam menjaga kebajikan guru. Guru memerlukan masa untuk aktiviti riadah dan rehatkan diri. Begitu juga meluangkan masa bersama keluarga tersayang.

Isu beban tugas yang berkaitan PBD. Dalam langkah **Pemeriksaan PBD**, KPM dalam usaha membangunkan suatu sistem pengumpulan data PBD yang berpusat dan dikawalselia oleh KPM. Segala data berkaitan PBD akan disalurkan secara terus kepada KPM. Pentaksiran sumatif akan dijalankan sebanyak 2 kali setahun bagi Tahap 2 sekolah rendah – tahun 4,5 dan 6, serta menengah rendah, iaitu tingkatan 1, 2 dan 3. Bank soalan bagi subjek teras akan disediakan oleh KPM, pihak sekolah hanya muatturun kertas soalan dan menjalankan pentaksiran mengikut tempoh yang ditetapkan. Tiada lagi kedudukan ranking sekolah, PPD dan JPN. Ini secara langsung akan mengurangkan beban guru dalam penyediaan soalan pentaksiran.

**Penambahan Cuti Rehat Khas (CRK) dari sepuluh (10) hari kepada empat belas (15) hari** bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun. NUTP berjaya membentangkan cadangan penambahan CRK kepada KPM, dan telah diluluskan dan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) 2022 pada 30 Ogos 2022.

Bagi menangani isu kes buli di sekolah, **SekolahKU SEJAHTERA** telah dilancarkan antara KPM/JPN bersama NUTP. Konsep Sekolahku SEJAHTERA terdiri daripada 14 elemen dan dirangka berteraskan prinsip dan hasrat bagi mewujudkan suasana sekolah yang selamat, aman, selesa, menggembirakan, membina dan inklusif ke arah mencapai kesejahteraan masyarakat.

Dalam usaha memastikan jentera pendidikan di negara kita tidak terjejas, isu gred Guru Besar DG 48 ke atas dan Penolong Kanan DG 48 ke atas yang melibatkan hampir 2000 orang telah diselesaikan atas perjuangan NUTP secara terus kepada YAB Perdana Menteri ke-9, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob. NUTP juga telah berjaya menghimpunkan 2000 guru dalam Perhimpunan Khas YAB Perdana Menteri ke-9 Bersama Warga NUTP seluruh Malaysia pada 1 Oktober 2022 di Dewan MATRADE, Kuala Lumpur.

Disamping itu juga, NUTP Kedah bersama Xanderia Services Sdn. Bhd. iaitu rakan strategik NUTP Kedah dalam usaha Pengurusan Kewangan bagi guru yang menghadapi masalah Pengurusan Kewangan. Syarikat ini juga akan membantu guru yang potongan angkasa telah melebihi 60%. Rakan strategik yang lain iaitu Redone menawarkan tawaran istimewa kepada semua ahli NUTP Kedah untuk pelan "*unlimited call*" dan "*unlimited data*" serendah RM40 sebulan.

Sertailah NUTP, **bersatu kita teguh, bercerai kita roboh**. Jadikanlah anda sebahagian daripada keluarga besar NUTP yang sentiasa berpegang pada "**NUTP Pelindung dan Pembela Guru, dulu, kini dan selamanya.**"

**“ BERSATU KITA BERJAYA ”**

Yang ikhlas,



.....  
NG NGAI LEONG  
Setiausaha Kehormat NUTP Cawangan Kedah